

18/08/1999

Tindakan parti lawan matangkan rakyat

IPOH, Selasa - Tindakan parti pembangkang menyebarkan pelbagai fitnah mengenai pemimpin dan kerajaan melalui Internet kini berjaya mematangkan fikiran pengguna teknologi maklumat (IT) kerana semuanya ternyata palsu.

Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata tindakan parti pembangkang ghairah mencipta pelbagai tohmahan membawa kebaikan kerana rakyat tidak percaya dengan dakwah itu.

Sebagai contoh, berita palsu kononnya akan berlaku rusuhan dalam negara ketika Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melawat ke luar negara yang baru disebarkan melalui Internet jelas membuktikan ia satu pembohongan apabila negara masih aman damai.

"Saya mendapat tahu ada kenyataan dalam Internet mendakwa kerajaan akan membuat rusuhan ketika Perdana Menteri berada di luar negara dan perkara itu tidak berlaku.

"Sebagai mewakili Pemuda Umno dan Barisan Nasional (BN), kita tidak pernah ada perancangan untuk membuat rusuhan seperti didakwa.

"Oleh itu, rakyat tidak perlu terpengaruh kerana ia adalah fitnah," katanya selepas merasmikan seminar Projek Pengurusan Hutan Pelbagai Tingkat Malaysia anjuran Jabatan Perhutanan dan Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (Jica) di sini, hari ini.

Beliau berkata, satu lagi bukti rakyat tidak sepatutnya terpengaruh dengan khabar angin dalam Internet ialah dakwaan akan berlaku rusuhan kaum di Kuala Lumpur beberapa bulan lalu yang ternyata meleset.

(END)